



UPNM

National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti

Naib Canselor
Vice Chancellor

Aras 1, Bangunan Canselori
UPNM, Kem Perdana Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur, Malaysia

+603 - 9051 3457

+603 - 9057 4361

nc@upnm.edu.my

www.upnm.edu.my



Ruj. Kami : UPM(PB) 02.01/36 Jilid 2(14)

Tarikh : 19 Februari 2025

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PERWAKILAN KUASA BAGI MENJALANKAN TUGAS PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa perwakilan kuasa bagi menjalankan tugas pengurusan kewangan di peringkat PTj adalah seperti yang dinyatakan di **Lampiran A**. Penama bagi perwakilan kuasa tersebut adalah seperti di **Lampiran B**.

3. Dalam menjalankan urusan kewangan di peringkat PTj, YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan, Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta mana-mana peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

4. Kuasa-kuasa yang diwakilkan seperti yang dinyatakan di **Lampiran A** tidak boleh diperturunkan kepada pegawai-pegawai lain di peringkat PTj. Walau bagaimanapun pelantikan pegawai bagi membantu menguruskan kewangan adalah dibenarkan secara bertulis dan disalinkan kepada saya dan Bendahari untuk tujuan kawalan dan pemantauan. Format Suratcara Pelantikan Pegawai bagi Membantu Menguruskan Kewangan di PTj adalah seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran C-1**.

5. Perwakilan kuasa ini hendaklah disifatkan berkuat kuasa mulai daripada tarikh surat ini dan adalah tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI"

Saya yang menjalankan amanah,

DATUK ARMAN RUMAIZI BIN HJ AHMAD

Leftenan Jeneral

Naib Canselor